

✓

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JMK 416 – Kajian Perbandingan Genre Kesusastraean Terpilih**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini terdiri daripada dua bahagian (A dan B). Anda perlu menjawab TIGA soalan kesemuanya. Jawab Soalan 1 dari Bahagian A (wajib), dan DUA soalan lagi dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

**BAHAGIAN A (Wajib)**

1. Jawab kesemua soalan kecil (a) hingga (d) yang berikut. (Setiap soalan kecil diperuntukkan 10 markah, menjadikan jumlah 40 markah bagi soalan 1).

Berikan jawapan anda dalam bentuk **Catatan Ringkas** tentang perkara-perkara yang disebutkan di bawah ini:

- (a) Konsep *genre* oleh Wellek dan Warren (seperti diuraikan dalam *Teori Kesusastraan*).

(10 markah)

- (b) Minat ahli-ahli Sastera Bandingan terhadap permasalahan *genre*.

(10 markah)

- (c) Berdasarkan pendekatan dan penulisan Boris Parnickel, jelaskan keadaan ‘puitika sejarahan’, plot ‘epik klasik’, dan ciri-ciri ‘watak mitos’.

(10 markah)

- (d) Perbezaan mitos Melayu Nusantara berbanding mitos luar Nusantara.

(10 markah)

**BAHAGIAN B**

Pilih dan jawab DUA soalan berikut:

2. Berdasarkan mana-mana satu karya yang mewakili satu *genre* sastera dalam tradisi Kesusastraan Melayu Klasik, dan berpandukan ‘*Theory of Modes*’ oleh Northrop Frye, huraiakan tentang ciri-ciri *genre* yang ketara, dan sarankan penggolongan bagi wira-wira yang terlibat di dalam karya berkenaan.

(30 markah)

3. Berpandukan tulisan Francois Jost, Ulrich Weisstein dan lain-lain yang relevan, bincangkan persamaan dan perbezaan di antara pendekatan Sastera Bandingan ‘mazhab’ Amerika Syarikat dengan ‘mazhab’ Perancis.

(30 markah)

4. Berpandukan tulisan Boris Parnickel dan rujukan lain, bincangkan perbezaan kaedah ‘puitika sejarahan’ dengan aliran-aliran ilmu sastera yang tersebar di Eropah Barat semenjak abad ke-19 Masehi.

(30 markah)